



**Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti,
Wanita, Keluarga dan
Pembangunan Kanak-kanak**

**PROSEDUR PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP) COVID-19
INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK)
SARAWAK**

**PROSEDUR PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP) COVID-19**

INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK

1. PENGENALAN

Prosedur ini dibangunkan oleh Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak sebagai garis panduan kepada semua pengusaha Institusi Pendidikan Awal Kanak-kanak (IPAKK) di Sarawak yang akan beroperasi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

2. PERANAN PENGUSAHA

- 2.1. Kerja-kerja pembasmian dan disinfeksi dijalankan sebelum IPAKK dibuka semula. (Sila rujuk Lampiran 1 – Panduan Disinfeksi dan Pembersihan)
- 2.2. Taklimat kepada semua pendidik, pengasuh dan kakitangan (Sila rujuk Lampiran 2 – Amalan Kebersihan Diri Yang Baik).
- 2.3. Pendidik/pengasuh/Kakitangan dalam keadaan sihat. Pemeriksaan suhu dan simptom hendaklah dilakukan setiap hari sebelum masuk ke premis.
- 2.4. Pendidik/pengasuh/Kakitangan perlu mengawal pergerakan (elakkan aktiviti berkumpul seperti menghadiri kenduri/ceramah) dan melengkapkan borang akuan pengisytiharan kesihatan sebelum mula bertugas. (Lampiran 3 – Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Kakitangan)

- 2.5. Semua pendidik/pengasuh/kakitangan yang baru pulang dari luar Sarawak/negara tidak dibenarkan hadir ke TASKA/ TADIKA dalam tempoh 14 hari.
- 2.6. Pendidik/Pengasuh/Kakitangan yang pernah dalam kontak rapat dengan orang yang disahkan positif Covid-19/*Person Under Investigation (PUI)*/ *Person Under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir ke TASKA/ TADIKA dalam tempoh 14 hari.
- 2.7. Memastikan pematuhan kepada penjarakan fizikal/sosial dengan hanya membenarkan maksimum 50% daripada kanak-kanak dibenarkan pada satu masa. Bagi mengurangkan bilangan kanak-kanak pada satu masa, pengusaha/pentadbir boleh memilih untuk mengadakan kelas dua (2) sidang, penggiliran kehadiran ke TADIKA atau memberikan aktiviti individu bagi kanak-kanak yang berada di rumah. Walau bagaimanapun, perbincangan dan persetujuan bersama ibubapa hendaklah diperolehi.
- 2.8. Memaklumkan ibu bapa tentang prosedur Post-Covid-19 sebelum IPAKK beroperasi.
- 2.9. Operator premis perlu memastikan hanya ibubapa/ individu *check-in* premis menggunakan MySejahtera serta mempunyai status “Risiko Rendah/*Low Risk*” sahaja dibenarkan untuk menghantar kanak-kanak ke premis (bagi premis yang tidak mempunyai liputan internet atau individu yang tidak menggunakan MySejahtera, pemeriksaan tahap kesihatan secara manual seperti dibawah boleh dilaksanakan).

3. PERANAN IBU BAPA

MESTI MENGAMALKAN

- a) PEMAKAIAN TOPENG MUKA (*FACE MASK*);
- b) PENJARAKAN FIZIKAL/SOSIAL
(*PHYSICAL/SOCIAL DISTANCING*) DAN
- c) KEBERSIHAN YANG OPTIMUM.

- 3.1. Melengkapkan borang akuan pengisytiharan kesihatan kanak-kanak sebelum menghantar kanak-kanak ke IPAKK pada hari pertama operasi. (Lampiran 4 – Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Kanak-kanak)
- 3.2. Ibu bapa dan ahli keluarga dalam keadaan sihat. Jika terdapat ahli keluarga yang tidak sihat, kanak-kanak tidak boleh dihantar ke IPAKK.
- 3.3. Ibu bapa/penjaga yang sedang menjalani tempoh kuarantin; [*Person Under Investigation (PUI)/ Person Under Surveillance (PUS)*] dan pernah mempunyai kotak rapat dengan kes positif Covid-19 tidak dibenarkan menghantar kanak-kanak ke TASKA/TADIKa sehingga tempoh kuarantin tamat.
- 3.4. Kanak-kanak dalam keadaan sihat dan bersih.
- 3.5. Ibu bapa **WAJIB** mengisi buku log harian/senarai semak IPAKK.
- 3.6. Ibu bapa/penjaga harus sampai ke TASKA/ TADIKa sejurus sebelum waktu pengambilan yang ditetapkan untuk

mengurangkan waktu menunggu, dan mengelakkan perkumpulan.

3.7. Mematuhi Prosedur Pasca PKP Covid-19 IPAKK Sarawak.

3.8. Ibubapa/Penjaga yang menghantar anak-anak, dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.

3.9. Ibubapa TIDAK DIBENARKAN menghantar kanak-kanak ke TASKA/TADIKA sekiranya:

- Kanak-kanak bergejala seperti demam, batuk, selsema atau cirit-birit.
- Ibubapa bergejala seperti demam, batuk, selsema atau cirit-birit.
- Terdapat ahli keluarga merupakan PUS (sila maklumkan kepada pihak pengurusan).

4. PERANAN PENGASUH/PENDIDIK

MESTI MENGAMALKAN

a) PEMAKAIAN TOPENG MUKA (*FACE MASK*);

b) PENJARAKAN FIZIKAL/SOSIAL

(*PHYSICAL/SOCIAL DISTANCING*) DAN

c) KEBERSIHAN YANG OPTIMUM.

4.1. Ketibaan di IPAKK

a) Waktu Ketibaan

- i. Jadualkan ketibaan kanak-kanak secara berperingkat.

- ii. Menyediakan penanda barisan berjarak 1 meter (penjarakan fizikal/sosial).
- iii. Tidak membenarkan ibu bapa memasuki premis IPAKK.
- iv. Semak dan lengkapkan buku log harian /senarai semak bersama ibu bapa.
- v. Semua kanak-kanak yang baru pulang dari luar Sarawak/negara tidak dibenarkan hadir ke TASKA/ TADIKA dalam tempoh 14 hari.
- vi. Kanak-kanak yang pernah mempunyai kontak rapat dengan orang yang disahkan positif Covid-19/ *[Person Under Investigation (PUI)/ Person Under Surveillance (PUS)]* tidak dibenarkan hadir ke TASKA/ TADIKA dalam tempoh 14 hari.
- vii. Mengambil bacaan suhu (menggunakan “termometer tanpa kontak”) setiap kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak sihat (cth: selsema, batuk, sakit tekak, kesukaran bernafas, cirit birit dsb) atau suhu badan yang mencapai 37.50°C dan ke atas, tidak dibenarkan hadir.
- viii. Kanak-kanak diwajibkan membersih tangan (*sanitizer*/sabun & air) dan terus ke bilik aktiviti.

b) Sebelum Kelas Berlangsung

Memberikan taklimat kepada kanak-kanak mengenai amalan penjagaan diri dan persekitaran.

c) Semasa Kelas Berlangsung

- i. Tidak mengadakan aktiviti berkumpulan (cth: perhimpunan dan permainan berkumpulan).
- ii. Membersih bahan pembelajaran/permainan sebelum dan selepas digunakan.
- iii. Mengelakkan perkongsian bahan pembelajaran/permainan.

d) Aktiviti Rutin dan Amalan BaBa

i. Waktu Makan

- Memakai topeng muka (*face mask*) semasa penyediaan makanan.
- Kanak-kanak mencuci tangan sebelum dan selepas makan.
- Ruang makan bersih sebelum dan selepas makan.
- Tidak berkongsi makanan dan peralatan makanan.

ii. Waktu Rehat/Tidur

- Ruang rehat yang mempunyai persekitaran sihat (*healthy environment*).
- Setiap kanak-kanak, secara individu, harus dikhaskan katil/tempat tidur, tilam, bantal, dan

lain-lain yang **dilabelkan mengikut nama masing-masing**

- Tiada perkongsian peralatan tidur.

iii. Penggunaan tandas dan bilik air

- Tandas dan bilik air bersih sebelum dan selepas digunakan.
- Tampalkan visual/poster kebersihan tandas, seperti: tutupkan penutup mangkuk tandas sebelum mengepam air tandas; dan basuh tangan selepas menggunakan tandas.

iv. Penukaran Pakaian

- Masukkan baju kotor ke dalam beg plastik / beg kitar semula (telah dinyahkuman) dan diikat untuk dibawa balik. Untuk lampin terpakai, buang ke dalam tong sampah **BERTUTUP**.
- Membasuh tangan selepas menyalin pakaian.

e) Semasa kanak-kanak balik

- i. Memeriksa suhu setiap kanak-kanak yang meninggalkan IPAKK.
- ii. Menyerah kembali buku log harian/senarai semak kepada ibu bapa.
- iii. Tidak digalakkan perbincangan perihal anak dengan ibu bapa/penjaga secara bersemuka.
- iv. Membersih dan menyahkuman ruangan IPAKK sebelum sesi seterusnya.

Disediakan oleh:

Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak

Tarikh Kemaskini : 25 Mei 2021

Lampiran 1

PANDUAN DISINFEKSI DAN PEMBERSIHAN

Disinfeksi dan pembersihan permukaan, pakaian dan peralatan

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
Peluntur	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 99 bahagian air paip.	0.05% atau 500 ppm

	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 500 bahagian air paip.	0.01% atau 100 ppm
--	--	--	--------------------------

Rujukan: Garispanduan Pengendalian Kanak-Kanak Di Taska Dan PraTASKA, 2007

Nota: Larutan peluntur tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organic atau setelah digunakan. Pastikan tiada bahan lain ditambah kepada bancuhan peluntur kerana ia mungkin menyebabkan tindakbalas yang tidak diingini.

Lantai:

Pastikan lantai dibersihkan setiap habis sesi. Jika pembersihan dilakukan semasa ada kanak-kanak, pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelakkan kemalangan.

Permaidani / tikar:

Peralatan ini perlu di bersihkan menggunakan alat pembersih hampagas (*vacuum cleaner*) secara berkala. Basuh dengan menggunakan syampu permaidani jika perlu.

Alat Permainan:

Permainan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi terutama jika ia digunakan oleh kanak-kanak yang suka menggigit permainan. Ia hendaklah didisinfeksi menggunakan larutan chlorox 0.01%. Pastikan permainan dibilas dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

Tandas:

Bersihkan tandas setiap kali digunakan. Gunakan larutan chlorox 0.01%.

AMALAN KEBERSIHAN DIRI YANG BAIK

i. Panduan mencuci tangan



ii. Panduan pemakaian topeng muka



CARA PENGGUNAAN PENUTUP MULUT & HIDUNG

1



Pakai sisi **berwarna**
menghadap ke luar/
sisi putih menghadap
ke dalam

2



Tutup keseluruhan
mulut dan hidung

3



Ikat/sarung tali
pada telinga

4




Menggunakan
kedua-dua belah
tangan, **bentukkan**
kepingan logam
mengikut bentuk
hidung

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik Bernama

iii. Panduan melupuskan topeng muka

LANGKAH – LANGKAH MELUPUSKAN TOPENG MUKA (FACE MASK)



iv. Langkah-langkah pemantauan dan pemeriksaan kesihatan

Langkah-langkah pemantauan dan pemeriksaan kesehatan



Laksanakan pemeriksaan kesehatan, pemantauan suhu badan, dan pensanitasi tangan di pintu masuk sekolah.



Kenal pasti kawasan yang boleh digunakan untuk mengasingkan pelajar-pelajar dan staf yang jatuh sakit secara tiba-tiba.



Jangan membenarkan sesiapa masuk ke kawasan sekolah, termasuk staf dan pelajar, yang berada dalam situasi tidak sihat, kontrak rapat pesakit Covid-19 dan pulang dari luar negara

- v. Penggunaan termometer secara betul (menurut garis panduan pengeluar)

Penggunaan termometer secara betul



Suhu yang biasanya dilihat ketika demam:
37.5°C ke atas



Semak kembali garis panduan termometer untuk memastikan cara penggunaan yang betul, julat bacaan suhu biasa, dan arahan pembersihan



Penggunaan "termometer tanpa kontak" atau alat pengimbas suhu

- vi. Prosedur-prosedur pembersihan dan penyahjangkitan

Pembersihan dan penyahjangkitan permukaan dan objek



Pembersihan permukaan yang kerap disentuh termasuk: tombol/pemegang pintu, suis lampu, meja, kerusi/bangku, selusur tangan, pemegang sinki bilik darjah, tikar, permukaan meja kerja



Pembersihan objek yang kerap disentuh termasuk: mainan, peralatan pembelajaran, alat tulis, kotak mainan/utliti, komputer (papan kekunci, tetikus)



Penggunaan penyahjangkitan yang berkesan terhadap Coronavirus (Covid-19)

Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Kakitangan

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI KAKITANGAN											
Nama:											
No. K/P:	Bangsa:										
Alamat Tempat Tinggal:											
No. Tel (HP):	Email:										
Alamat Kampung Ibu/Bapa:											
No Tel Ibu/Bapa:	No. Tel Rumah:										
Jika balik kampung, bagaimana anda balik ke tempat kerja? *Tanda (✓) untuk "Ya" () Kenderaan sendiri () Tumpang kawan/ keluarga lain () Kenderaan awam () Lain-lain, nyatakan:											
Tahap Kesihatan: Dalam masa 2 minggu lepas *Tanda (✓) untuk "Ya" () Adakah anda demam () Masalah pernafasan () Batuk () Selsema () Sakit Tekak () Lain-lain, nyatakan: Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama anda semasa tempoh PKP? Nyatakan.											
Sejarah perjalanan semasa tempoh PKP. Adakah anda pernah pergi ke: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;"></td> <td>Luar negara. Jika ya nyatakan:</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Melawat hospital atau orang sakit</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri perhimpunan ramai</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keagamaan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keramaian</td> </tr> </table> Tanda (✓) untuk "Ya" Adakah anda dan keluarga anda ada berhadapan dengan orang yang positif Covid19, contact atau disyaki? Ya/ tidak Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang.			Luar negara. Jika ya nyatakan:		Melawat hospital atau orang sakit		Menghadiri perhimpunan ramai		Menghadiri majlis keagamaan		Menghadiri majlis keramaian
	Luar negara. Jika ya nyatakan:										
	Melawat hospital atau orang sakit										
	Menghadiri perhimpunan ramai										
	Menghadiri majlis keagamaan										
	Menghadiri majlis keramaian										

Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akuan ini di buat oleh:

No. K/P:

Tandatangan:

Tarikh:

Lampiran 4

Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan Kanak-Kanak

AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN BAGI KANAK-KANAK																
Nama kanak-kanak:																
Nama ibu:		No K/P:														
		No. Telefon:														
Nama bapa:		No K/P:														
		No. Telefon:														
Alamat Tempat Tinggal:																
Alamat Kampung Ibu/Bapa:																
No Tel Ibu/Bapa:		No. Tel Rumah:														
Maklumat adik-beradik kanak-kanak																
Bi l	Nama	Umu r	Tahap Kesihatan: Dalam masa 2 minggu lepas adalah:	Lain- lain												
			*Tanda (✓) untuk "Ya"													
	Demam		Selsema	Penafasan												
4																
5																
Semasa tempoh PKP, adakah kanak-kanak dan adik-beradik tinggal bersama ibu bapa? Jika tidak, sila nyatakan alamat dan hubungan penjaga bersama kanak-kanak. Adakah ahli keluarga lain atau sesiapa yang tinggal bersama kanak-kanak dalam tempoh PKP? Sejarah perjalanan semasa tempoh PKP. Adakah kanak-kanak pernah pergi ke: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%;"></td> <td>Luar negara. Jika ya.</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Nyatakan:.....</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Melawat hospital atau orang sakit</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri perhimpunan ramai</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keagamaan</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Menghadiri majlis keramaian</td> </tr> </table> Tanda (✓) untuk "Ya"						Luar negara. Jika ya.		Nyatakan:.....		Melawat hospital atau orang sakit		Menghadiri perhimpunan ramai		Menghadiri majlis keagamaan		Menghadiri majlis keramaian
	Luar negara. Jika ya.															
	Nyatakan:.....															
	Melawat hospital atau orang sakit															
	Menghadiri perhimpunan ramai															
	Menghadiri majlis keagamaan															
	Menghadiri majlis keramaian															
Adakah kanak-kanak dan keluarga pernah berhubung dengan orang yang disahkan atau disyaki positif Covid19? SayaNo. K/P..... sebagai ibu/bapa/penjaga berjanji tidak akan menghantar kanak-kanak di atas ke TASKA sekiranya kanak-kanak didapati tidak sihat. Saya memahami bahawa pihak pengurusan TASKA boleh tidak menerima anak saya sekiranya tidak berpuas hati dengan tahap kesihatan kanak-kanak. Kanak-kanak hendaklah dirujuk kepada pegawai perubatan sebagaimana dalam Peraturan TASKA 2012. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan ini tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh																

dikenakan tindakan dibawah peruntukan mana-mana undang-undang. Walau bagaimanapun, borang akaun pengisytiharan kesihatan yang baru hendaklah diisi jika ada perubahan maklumat di atas selepas hari ini. Akaun ini di buat oleh:

No. K/P:

Tandatangan:

Tarikh:

